

Tabarruj dan Fesyen Pakaian Muslimah pada Zaman Kini

Tabarruj and Muslimah's Clothing Fashion at this Present

NOZIRA SALLEH

ABSTRAK

Pada zaman kini, fesyen pakaian wanita secara umumnya dan Muslimah secara khususnya sangat hebat melanda masyarakat di Malaysia. Tambahan lagi, kemunculan para pereka fesyen yang menghidangkan pelbagai gaya, warna, fesyen pakaian dan perhiasan yang tentunya memikat hati para wanita. Dalam fenomena ini, etika pakaian Islam dan tabarruj tentunya diketepikan secara sengaja atau tidak sengaja oleh sebahagian Muslimah kerana keghairahan mereka dalam mengejar fesyen 'up-to-date'. Ini bermakna, aspek pakaian patuh Syariah dan isu tabarruj merupakan perkara yang dianggap agak remeh dan kurang penting kepada masyarakat Islam. Walaupun demikian, seharusnya isu ini tidak kekang daripada perbincangan umum kerana ia pada hakikatnya melibatkan hal ehwal Muslimah, yang mana ia bukan sahaja meliputi aspek pakaian dan personaliti, tetapi ia juga merangkumi tingkah laku dan maruah para wanita yang tentunya memberi kesan yang besar kepada nilai-nilai masyarakat. Oleh itu, artikel ini cuba menerokai fenomena pakaian Muslimah yang terkini di Malaysia dan isu-isu tabarruj secara ilmiah dan kritis. Di samping itu, etika pakaian yang disarankan dalam Islam juga diutarakan kepada para Muslimah. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan sahaja dengan menganalisis buku-buku, majalah-majalah dan lain-lain lagi. Hasil kajian mendapati pakaian Muslimah pada zaman kini dilihat bukan lagi satu keperluan untuk menutup aurat semata-mata, tetapi juga untuk berfesyen. Fesyen pakaian dan perhiasan Muslimah yang pelbagai gaya dan rekaan, kadang kala mengheret mereka kepada ketidakpatuhan etika pakaian Syariat dan pada masa yang sama, mereka terjerumus ke dalam budaya tabarruj.

Kata kunci: Tabarruj; pakaian; fesyen; Muslimah; perhiasan

ABSTRACT

Nowadays, the women's fashion generally and Muslim women particularly struck impressively to community in Malaysia. Additionally, the appearance of fashion designers serving a variety of styles, colors, fashion clothes and jewels that attract of the women. In this phenomenon, ethics of Islamic clothing and tabarruj are deliberately or accidentally marginalized by some Muslims because of their passion in pursuing 'up-to-date' fashion. This means that the aspects of Shariah-compliant and tabarruj issues are considered to be quite trivial and less important to the Muslim community. However, this issue should not be limited to the general discussion because it actually related to the Muslim affairs, which not only focuses the aspects of clothing and personality, but also includes the behavior and dignity of women which has a tremendous impact on community values. Therefore, this article attempts to explore the latest phenomenon of Muslim women in Malaysia and tabarruj issues scientifically and critically. In addition, the ethics of Islamic clothing is recommended to the Muslim women. This study uses literature study only by analyzing books, magazines and others. The findings show that the clothing of Muslim women in modern times is no longer a requirement to cover aurat only, but also more on fashion. The fashion and design of Muslimah clothes and jewelry, sometimes putting them to the non-compliance of the Syariat's dressing of ethics and at the same time, they fall into tabarruj way.

Keywords: Tabarruj; cloth; fashion; Muslimah; jewelry

PENDAHULUAN

Setiap wanita telah dikurniakan oleh Allah naluri untuk sentiasa kelihatan cantik dan menawan dalam setiap penampilan diri. Oleh sebab itu, wanita sentiasa sinonim dengan perkataan fesyen, gaya, pakaian dan perhiasan atau terdapat juga kajian yang meletakkannya kepada tiga kriteria iaitu pakaian,

perhiasan dan solekan anggota badan sebagai asas penampilan diri (Syafiza & Fadhlhan 2015). Semua kriteria tersebut menjadi salah satu penentu kepada pemilihan pakaian mereka di samping faktor-faktor lain seperti jenama, tanggapan, tempat, pangkat dan lain-lain lagi. Justeru itu, ia tidaklah menghairankan apabila perkembangan fesyen pakaian wanita sangat hebat di pasaran berbanding dengan lelaki.

Perkembangan fesyen pakaian dan perhiasan wanita juga semakin cepat terutama apabila disokong oleh perkembangan pelbagai teknologi media sama ada dalam bentuk percetakan mahupun elektronik, ianya secara langsung telah mempengaruhi pakaian dan penampilan para wanita secara umumnya dan para Muslimah secara khususnya (Muhammad Abdul Aziz 2009). Kepelbagaiannya fesyen ini telah memberi ruang kepada para Muslimah untuk mencuba suatu pakaian yang baru, bermula daripada hijab sehinggalah kepada sepatu. Sebenarnya, keberanian Muslimah dalam percubaan pelbagai fesyen ini adalah satu usaha mereka untuk memenuhi ‘keperluan peredaran zaman’ yang mana mereka percaya ia adalah satu bentuk pakaian yang ‘*up to date*’ atau seiring dengan peredaran zaman dan juga memenuhi keinginan mereka untuk memenuhi ‘gaya pakaian yang popular’ atau dipanggil juga berbusana ala *Hijabers* yang *stylish* dan moden (Khairun Nisa 2017). Senario perkembangan dan tuntutan fesyen seperti ini telah memunculkan pertunjukkan fesyen di Malaysia yang dikenali sebagai ‘*Islamic Fashion Festival*’ (Rashidah et al. 2016).

Rentetan daripada kepelbagaiannya perkembangan fesyen dan keghairahan para Muslimah memenuhi cara berpakaian yang popular dan terkini, maka terdapat di kalangan para Muslimah kini berfesyen tanpa menjaga etika pemakaian cara Islam yang betul dan adakalanya mereka berpakaian dan berhias keterlaluan atau juga berbusana yang berlebih-lebihan sehingga boleh disifatkannya sebagai bertabarruj (Achyar et al. 2017). Sebagai contohnya, terdapat segelintir Muslimah yang memakai tudung tetapi berbaju ketat dan berseluas ketat, atau memakai pakaian berkilau-kilau dan memakai perhiasan yang keterlaluan sehingga menarik perhatian sesiapa yang melihatnya. Justeru, etika berpakaian dalam kalangan wanita terutama para Muslimah perlu ditekankan kerana segala bentuk dan cara berpakaian menurut Islam telah diterangkan dalam al-Quran dan Hadis secara jelas.

DEFINISI TABARRUJ

Tabarruj menurut bahasa, diambil daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud berhias. Dalam Kamus al-Miftah (2008), tabarruj bermaksud menghias diri. Kemudian, berhias menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1994) bermaksud berdandan diri dengan pakaian yang cantik. Dalam Lisan al-‘Arab, “*at -tabarruju: Izharuz zinati wa ma yustad'a bihi syahwatu ar-rijali*”, yang

bermaksud, tabarruj adalah pertunjukan perhiasan dan apa saja yang dengannya syahwat kaum lelaki tertarik (Ibn Manzur, 1990). Al-Qurtubi (t.th) menjelaskan bahawa makna tabarruj secara bahasa adalah perbuatan menyingkap dan menampakkan diri sehingga terlihat pandangan mata. Contohnya, *buruj musyayyadah* (benteng tinggi yang kokoh), atau *buruj sama'* (bintang langit). Kedua-dua contoh ini menunjukkan bahawa tiada penghalang apa pun yang menutupinya.

Kemudian, tabarruj menurut istilah pula ialah perbuatan seorang wanita yang memperlihatkan keindahan tubuhnya kepada lelaki yang bukan mahramnya, yang mana syariat telah mewajibkannya untuk ditutupi. Selain itu, Abir (2009) mendefinisikan berhias sebagai mempercantikkan dan memperindahkan dengan memberi tambahan pada bentuk asalnya. Ibn Manzur (1990) mendefinisikannya sebagai perempuan yang mendedahkan perhiasan dan kecantikkannya kepada lelaki yang ajnabi. Imam Bukhari (2002) mendefinisikan tabarruj sebagai satu perbuatan yang memperlihatkan kecantikan atau keindahan diri seorang wanita (Abir, 2009). Ia juga difahami sebagai sikap wanita yang memperlihatkan perhiasannya, kecantikan tubuh badannya kepada orang lain sebagaimana yang dilakukan wanita pada zaman jahiliyah sebelum Islam (Al-Sidqy 1994). Ia bertepatan dengan ayat ke 33, surah al-Ahzab yang bermaksud: “...dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti orang-orang jahiliah zaman dahulu...” Di samping itu, tabarruj adalah perbuatan berhias atau berpakaian secara berlebih-lebihan bagi seseorang Muslimah sehingga menarik perhatian (Abdullah Jarullah 2005). Dalam erti kata lain, tabarruj juga bererti membuka dan memperlihatkan bahagian-bahagian tubuh yang mengundang nafsu seperti kedua lengan, betis, dada, leher dan wajah.

Menurut al-Maududi (1984), terdapat tiga pengertian tabarruj iaitu, tindakan memperlihatkan kecantikan wajahnya dan tubuhnya dan ia mengundang nafsu lelaki yang bukan mahramnya. Kedua, wanita yang memperlihatkan keindahan pakaian dan perhiasan kepada bukan mahramnya. Ketiga, memperlihatkan dirinya melalui cara berjalan, bentuk badan dan kesombongan mereka. Sayid Sabiq (1993) menyatakan bahawa tabarruj ialah seseorang wanita itu keluar daripada kesopanannya, menampakkan bahagian-bahagian tubuh yang boleh menimbulkan fitnah atau dengan sengaja memperlihatkan perhiasan-perhiasan yang dipakainya untuk tatapan umum (Ayunni, Nor &

Mohd. Anuar 2018). Begitu juga al-Syaukani (2007) mendefinisikan tabarruj sebagai perbuatan seorang wanita yang sengaja menampakkan sebahagian daripada perhiasan dan kecantikkannya yang wajib ditutupinya kerana ia mampu mengundang nafsu syahwat lelaki. Kemudian Abdul Karim Zaidan (2012) menyatakan bahawa tabarruj atau berhias bermaksud wanita memperagakan perhiasan dan kecantikkannya untuk menarik perhatian kaum lelaki dan merangsang keinginan mereka. Berhias untuk suami adalah dibolehkan dan tidak dikira sebagai tabarruj manakala berhias apabila keluar dari rumah bukan bertujuan untuk suami adalah tabarruj.

Berdasarkan semua takrifan tersebut, tabarruj merujuk kepada cara atau perbuatan dalam berpakaian dan berhias yang keterlaluan sehingga menarik perhatian orang yang melihatnya. Dengan kata lain, tabarruj adalah wanita yang memperagakan kecantikan seluruh badan, pakaian dan perhiasan yang dipakai, berjalan dengan lenggang lengkok yang mempesonakan di hadapan khayal ramai bagi menarik perhatian.

FENOMENA PAKAIAN MUSLIMAH PADA ZAMAN KINI

Pakaian wanita zaman kini adalah pelbagai sama ada daripada sudut fesyen, warna-warni, corak, jenis dan lain-lain lagi. Ia melanda bukan sahaja kaum wanita yang berada di bandar tetapi juga di kampung. Ini bermakna, semua wanita di Malaysia ini secara khususnya sedang dihadapkan dengan satu fenomena fesyen pakaian yang sangat hebat berbanding pada zaman lalu. Keadaan ini berlaku kerana wujudnya ‘gaya pakaian yang popular’, yang mana ia telah dipromosikan dengan pelbagai medium seperti televisyen, akhbar, majalah, laman sesawang dan lain-lain lagi. Di samping itu, kaedah pembelian pakaian dan perhiasan bukan lagi terhad di alam fizikal (beli secara langsung di kedai) tetapi ia juga boleh dibeli di alam maya secara talian. Keadaan sebegini banyak digemari oleh masyarakat Malaysia secara umumnya kerana bilangan wanita yang berkerjaya semakin meningkat dari tahun ke tahun di Malaysia di mana mereka kekurangan masa yang mencukupi untuk membeli secara fizikal. Justeru, mereka lebih gemar membeli secara maya kerana ia lebih cepat, pantas dan menjimatkan masa serta wang (Ade Nur Istiani 2015; Siti Marziah, Nor Bay’ah & Nasrudin 2017).

Umumnya, para Muslimah zaman kini adalah antara wanita yang berani menggunakan pelbagai fesyen pakaian dan perhiasan yang berada di pasaran. Pakaian bukan lagi dilihat sebagai sesuatu yang menutup aurat semata-mata, tetapi ia juga sebagai satu elemen fesyen yang melambangkan ‘*up to date*’ dan status diri. Sememangnya perlu diakui bahawa fesyen pakaian wanita Muslimah kini adalah sangat hebat sehingga wujudnya istilah ‘industri fesyen wanita Muslimah’ dan ‘busana Muslimah’. Ini kerana terdapat beribu-ribu jenis dan gaya tudung, kain, baju, seluar, skirt, baju kurung, jubah, kasut, barang kemas, beg dan lain-lain lagi di pasaran. Tambahan lagi, setiap jenis tersebut ditandai dengan jenama yang pelbagai dan disasarkan kepada pelanggan yang berbeza seperti ada pakaian untuk orang dewasa, remaja dan juga kanak-kanak. Hal ini secara tak langsung menyebabkan para Muslimah sama ada yang dewasa atau remaja menggunakan pakaian dan perhiasan dengan gaya moden yang pelbagai seperti ada gaya hipster, gaya ranggi, gaya mewah, dan lain-lain lagi. Justeru, tidak hairanlah terdapat pelbagai fesyen busana Muslimah yang tampak ranggi, berwarna-warni, *up-to-date* dan glamor di mana-mana sahaja. Ada yang memilih untuk memakai jubah dan bertudung labuh, berjubah moden dan bertudung singkat atau berselendang sahaja, berbaju kurung dan bertudung labuh, berbaju kurung dan bertudung singkat atau berselendang, berseluar, berkemeja dan bertudung atau berselendang, berseluar jeans, berbaju labuh dan berselendang, berbaju kurung dengan sarat hiasan manik eksklusif serta bermacam-macam lagi (Rashidah et al. 2016). Kepelbagaiannya gaya dan pemakaian tersebut menunjukkan fesyen busana Muslimah di Malaysia sememangnya memiliki sambutan yang tersendiri demi memenuhi keinginan mereka untuk ‘bergaya penuh ketrampilan’ (Siti Sarah & Mohd. Nawi 2018). Daripada sudut ilmu psikologi, situasi sedemikian juga boleh disifatkan sebagai salah satu kaedah wanita memperolehi kesejahteraan emosi dan kepuasan hidup mereka (Siti Marziah, Nor Bay’ah & Nasrudin 2017).

Kemudian, terdapat juga beberapa fesyen yang ditonjolkan oleh segelintir Muslimah yang ghairah berfesyen atau boleh juga dikatakan mereka menyalahgunakan kebebasan dan kepelbagaiannya fesyen yang ada di pasaran sehingga menimbulkan beberapa *trend* dan gaya yang tersendiri dalam pemakaian mereka. Pertama, terdapat Muslimah yang menutup kepala atau berhijab dengan elok, tetapi berbaju ketat dan berseluar ketat (legging)

atau berkain nipis dan ketat. Kedua, terdapat juga Muslimah yang bertudung elok sehingga menutupi dada, tetapi memakai pula baju kurung atau jubah yang ketat dan nipis sehingga menampakkan susuk badan. Ketiga, ada segelintir Muslimah yang mengenakan hijab yang sangat pendek sehingga mendedahkan pada bahagian dadanya, atau memakai hijab sehingga menampakkan sanggol yang besar dan tinggi di kepalanya. Keempat, terdapat juga Muslimah yang memakai make-up dan bergincu tebal serta berkilau yang tentunya menarik minat orang lain melihatnya, walaupun dia memakai pakaian yang elok dalam menutup auratnya. Kelima, terdapat juga para Muslimah yang memakai perhiasan seperti gelang, cincin, brooch yang amat berkilau dan agak banyak bilangannya sehingga menarik orang yang melihatnya. Keenam, ada segelintir Muslimah yang menggunakan wangian yang kuat baunya sehingga menusuk hidung mereka yang berada di sekelilingnya. Ketujuh, terdapat Muslimah yang mengenakan baju dan perhiasan yang mempunyai lambang yang tidak elok seperti gambar salib, tengkorak, taring dan kuku binatang buas serta gambar-gambar yang mengerikan.

Fenomena fesyen pemakaian yang dibincangkan ini adalah gambaran sebenar yang ditonjolkan oleh para Muslimah di Malaysia. Namun persoalannya; adakah fesyen yang ditonjolkan oleh para Muslimah tersebut menepati tuntutan syariat? Adakah mereka cuba mematuhi pemakaian patuh Syariat? Keragaman dan kepelbagaiannya fesyen yang ditampilkan di pasaran kadang kala mengandungi unsur-unsur tabarruj yang keterlaluan dan kemudiannya, menyimpang daripada etika pemakaian yang ditetapkan oleh Islam. Ni'mat Sidqi (1983) mengatakan bahawa bersolek dan berhias wanita pada hari ini telah melebihi daripada maksud tabarruj. Betapa banyak jubah dan baju kurung moden yang terlalu ketat dan memperlihatkan bentuk dan bahagian-bahagian tubuh secara jelas. Ada juga yang mempunyai motif-motif yang keterlaluan daripada segi hiasan yang bergemerlap dan warna yang terlalu terang, ada juga yang terlalu nipis dan jarang sehingga memperlihatkan apa yang sepatutnya disembunyikan. Walaupun pakaian yang dipakai itu dinamakan jubah, baju kurung atau tudung, selagimana ia tidak patuh kepada etika pemakaian, maka ia tidak dibenarkan oleh Allah. Harus difahami bahawa bukan semua yang bernama jubah atau baju kurung atau tudung itu adalah patuh syariah, malah apa juar pakaian dan apa juar namanya sama ada baju kurung, baju Punjabi, seluar panjang dan sebagainya adalah harus dipakai sekiranya ia

memenuhi ciri-ciri yang telah digaris panduankan oleh syarak.

Ini bermakna, elemen warna yang terang, bentuk pakaian yang jarang dan menampakkan bentuk badan, fabrik yang melekat pada tubuh, tujuan berpakaian untuk menarik perhatian serta mendapat puji, adalah antara perkara-perkara yang seharusnya setiap Muslimah peka dan jauhi dalam pemilihan pakaian dan perhiasan agar tidak terjerumus ke dalam budaya tabarruj dan ketidakpatuhan kepada etika pemakaian Islam yang sebenar. Ia dapat difahami dengan baik apabila Syaikh Uwaiddah (1996) menyifatkan tabarruj sebagai salah satu lambang dan ciri-ciri kebodohan dan kemunduran yang tidak seharusnya dilakukan oleh para Muslimah. Justeru itu, para Muslimah hendaklah berhati-hati dalam berhias dan memilih pakaian agar tidak terjerumus ke lembah tabarruj yang dilarang.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MUSLIMAH BERTABARRUJ

Pada zaman kini, pelbagai fesyen pakaian dan perhiasan telah diperkenalkan dan direka bagi menarik minat para wanita untuk memiliki. Kepelbagaiannya fesyen tersebut sememangnya mendapat sambutan yang baik daripada para wanita khususnya, yang mana mereka sentiasa inginkan kelainan dalam berpakaian pada setiap masa. Hal ini juga berlaku kepada Muslimah yang sentiasa inginkan fesyen dan gaya pakaian yang terkini, atau dengan kata lain, pakaian yang menutupi aurat tetapi masih lagi mengikuti peredaran zaman. Kecenderungan dan keghairahan dalam mengejar tuntutan pakaian *up-to-date*, adakalanya menimbulkan cara pemakaian atau fesyen yang agak pelik daripada kelazimannya seperti timbulnya fesyen Muslimah hipster, gipsi dan sebagainya lagi. Walaupun pemakaian tersebut melambangkan kemodenan, namun adakalanya ia juga mendorong seseorang Muslimah bertabarruj dan tersasar daripada etika pemakaian yang telah digaris panduankan oleh Islam.

Wanita itu diciptakan Allah dengan kecantikan yang istimewa dan tersendiri. Kecantikan tersebut mampu menarik perhatian orang yang melihatnya, khususnya para lelaki. Dalam hal ini, terdapat sesetengah wanita yang suka menunjuk-nunjuk dan seterusnya mendapatkan puji dengan kecantikan yang mereka miliki. Oleh sebab itu, sesetengah Muslimah cuba menonjolkan diri mereka dengan memperagakan pakaian dan perhiasan yang

pelbagai jenis dan warna bagi menampakkan lagi kecantikan diri yang dimiliki, serta pada masa yang sama meraih sedikit pujian daripada apa yang dipakai. Contohnya, ada Muslimah yang bermakeup tebal dan gincu yang berkilau serta mengenakan pakaian yang berwarna terang dan menampakkan susuk badan bagi menonjolkan kecantikkannya dan pada masa yang sama, menarik perhatian orang lain yang melihatnya. Pemakaian sebegini sudah tentunya merupakan perbuatan yang salah di sisi agama kerana ia mengandungi unsur tabarruj dan terkeluar daripada syarat-syarat pemakaian dalam Islam.

Faktor seterusnya yang menyebabkan sesetengah Muslimah terdorong kepada tabarruj adalah disebabkan kerana kejahanan dalam ilmu agama dan kurangnya pemahaman terhadap pengertian asal pakaian Muslimah itu sendiri. Memandangkan fesyen pakaian dan perhiasan yang pelbagai di pasaran, adakalanya sesetengah Muslimah tidak menitikberatkan sangat tentang hal ehwal aurat dalam pemilihan pakaiannya, malah ada sebahagian wanita yang menganggap bahawa menutup aurat itu adalah memakai tudung atau menutup rambut sahaja. Oleh sebab itu, dapat dilihat situasi pemakaian yang pelik dan tidak patuh syariah dalam masyarakat seperti ada segelintir Muslimah yang memakai baju t-shirt yang berlengan pendek dan sendat tetapi bertudung, ada pula yang bertudung dan memakai baju yang elok tetapi berseluar atau berskirt ketat atau pendek, ada juga yang memakai baju yang elok tetapi bertudung yang sangat pendek, ada yang bertudung tetapi memakai kebaya yang terbelah kainnya, ada yang bertudung tetapi amat longgar sehingga menampakkan jambul dan hujung rambutnya dan lain-lain lagi. Situasi pemakaian ini berlaku di kalangan para Muslimah kerana kekurangan ilmu agama Islam yang cukup dan juga kurang penghayatan terhadap ilmu agama yang telah diperolehi.

Kemudian, faktor Revolusi Industri 4.0 iaitu revolusi terkini yang menyajikan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang canggih dengan perluasan pelbagai medium penyebaran seperti televisyen dan radio serta penggunaan internet dalam menyampaikan maklumat dengan cepat dan mudah (Ahmad & Mohd. Nor Shahizan 2011; Siti & Naimah 2019). Hal ini menyebabkan para Muslimah secara khususnya mudah terpengaruh dengan ledakan informasi tersebut terutamanya berkaitan hal ehwal haya hidup, termasuk juga fesyen pakaian terkini. Tambahan lagi, Zulkifli dan Fatin (2013) menyatakan

bahawa bilangan majalah yang berkaitan dengan hijab semakin bertambah dari tahun ke tahun. Paparan-paparan pelbagai fesyen dan gaya pakaian daripada pelbagai negara sama ada Amerika, Korea, Jepun atau Perancis telah memberi kejutan budaya buat para Muslimah sehingga kadang-kala mereka terpana dan tersasar sehingga mengikuti budaya fesyen yang bertentangan dengan Islam (Yuszaidy & Muammar 2015).

Faktor-faktor tersebut dilihat sebagai pendorong utama kepada sebahagian Muslimah untuk bertabarruj dan juga melanggar etika pemakaian dalam Islam secara sengaja atau tidak sengaja. Fesyen yang keterlaluan, berdandan, bersolek dan memperlihatkan perhiasan adalah perbuatan yang dilakukan oleh segelintir Muslimah dan ia sebenarnya termasuk dalam perkara maksiat secara terang-terangan dan sekaligus ia menyerupai wanita-wanita kafir serta boleh menimbulkan pelbagai fitnah.

KESAN TABARRUJ KEPADA MUSLIMAH

Islam tidak pernah melarang para Muslimah untuk berfesyen, berpakaian cantik dan berhias kerana Islam sendiri merupakan agama yang menekankan kebersihan dan kecantikan sama ada secara zahir atau batin. Namun, Islam menetapkan bahawa Muslimah yang ingin berhias perlulah menyesuaikannya dengan tempat dan keadaan yang diizinkan oleh syarak sahaja. Dengan kata lain, mereka perlu memilih pakaian yang memenuhi syarat menutup aurat dan tidak berlebih-lebihan sehingga timbul perasaan yang tidak baik dalam dirinya (Siti Sarah & Mohd. Nawi 2018). Oleh sebab itu, Islam menghalang budaya tabarruj berlaku di kalangan para Muslimah. Ini kerana, ia mengundang banyak kesan negatif kepada masyarakat apabila para Muslimah mengagungkan budaya ini.

Bersolek keterlaluan, mempamerkan kecantikan diri melalui pakaian yang pelbagai gaya dan rekaan serta berhias secara berlebih-lebihan yang banyak dilakukan oleh para Muslimah sekarang, tidak lain dan tidak bukan ia hanyalah boleh dikategorikan sebagai salah satu maksiat yang boleh menimbulkan pelbagai fitnah. Contohnya, apabila melihat seseorang Muslimah itu memakai barang kemas yang banyak di tangan dan jari, kemudian disusuli pula dengan loceng yang berbunyi di tangan atau kaki, lazimnya ia akan menarik perhatian sehingga akan ada suara-suara sumbang yang mengatakan Muslimah tersebut memakai barang kemas tiruan atau sebagainya.

Dan keadaan sebegini, sememangnya Islam tidak benarkan kerana ia juga akan turut mengundang banyak lagi kesan negatif lain seperti menimbulkan permusuhan atau pertelingkahan dan memutus hubungan silaturrahim. Di samping itu, pemakaian barang kemas yang terlalu banyak seperti gelang, cincin dan rantai juga boleh mengancam keselamatan sipemakai tersebut seperti kes bunuh, rugut dan rompak sebagaimana yang telah berlaku di Pasir Puteh, Kelantan. Berdasarkan keratan akhbar pada 27 September 2014, jam 2 petang, seorang peragut sanggup memotong tangan seorang wanita kerana ingin mendapatkan gelangnya. Ini bermakna bahawa perbuatan sedemikian telah mencarik tujuan berhias yang sepatutnya untuk memperolehi kebaikan sahaja. Justeru itu, Islam melarang sesuatu itu dilakukan secara berlebihan agar tidak terjadi sesuatu yang tidak diingini, malah berhias itu seharusnya mencapai kebaikannya dalam membentuk kehidupan yang lebih harmoni (Muhammad Arif & Muhammad Haikal 2020).

Di samping itu, budaya tabarruj yang sering dilakukan oleh para Muslimah mengandungi semangat yang tidak baik kerana ia menjauahkan diri daripada roh Islam. Wanita tersebut dapat diumpamakan seperti tidak mempunyai rasa malu lagi kepada Allah dan dengan demikian, dia juga seolah-olah tidak takut padaNya. Kemudian, tabarruj juga dapat membuka seluas-luasnya pintu riak, takabbur dan sompong kepada sipemakai tersebut. Hal ini disebabkan setiap Muslimah tersebut akan saling berebut untuk menunjuk perhiasan diri dan kecantikan diri masing-masing dengan pelbagai gaya dan fesyen. Ianya berlaku secara langsung dan tidak langsung apabila merasai diri lebih cantik dan anggung daripada orang lain (Muhammad Abdul Aziz 2000). Ini bermakna, budaya tabarruj amat membahayakan para Muslimah tidak kira sama ada muda atau pun tua.

Oleh yang demikian, para Muslimah seharusnya berhati-hati dalam berpakaian dan berhias bagi mengelakkkan diri daripada terdedah kepada pelbagai maksiat, fitnah dan kehinaan, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Sesiapa yang memakai pakaian yang berlebih-lebihan, maka Allah akan memberikan pakaian kehinaan di akhirat nanti" (Riwayat Abu Daud). Tambahan lagi, pada lazimnya para Muslimah juga dikenali sebagai wanita yang penuh suci, bermaruah, penuh hormat, rendah diri, sopan santun, ayu, lemah lembut dan sederhana dalam setiap penampilan (Afzalur Rahman 1994; Siti Sarah & Mohd. Nawi 2018). Sekiranya amalan tabarruj diamalkan dalam

kehidupan mereka, nescaya nilai-nilai tersebut akan lenyap. Ini bermakna, nilai-nilai Muslimah Melayu sejati yang selama ini dibanggakan akan luntur dengan sendirinya (Yuszaidy & Muammar 2015). Begitu juga Achyar et al. (2017) menyatakan bahawa Muslimah yang menjaga kesopanan dalam setiap penampilan diri mereka, maka kejahatan dan keburukan akan jauh daripada hidup mereka. Justeru, Islam sememangnya menggalakkan para Muslimah bersederhana dalam setiap penampilan diri dan berpakaian agar dirinya dapat dibezakan daripada wanita bukan Islam, dan pada masa yang sama dirinya sentiasa terpelihara daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah dan agamanya (Rashidah et al. 2016; Dasima Sidek et al. 2018).

TABARRUJ YANG DIBENARKAN DAN ETIKA BERPAKAIAN DALAM ISLAM

Kedatangan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. telah mengangkat martabat wanita dan mengubah corak, bentuk kehidupan dan nilai para Muslimah melebihi wanita daripada agama-agama lain. Oleh sebab itu, bentuk, gaya dan corak pakaian turut dibezakan kerana bentuk zahir melambangkan apa yang ada di dalam hati dan jiwa mereka. Antara perkara yang amat ditekankan ialah para Muslimah tidak boleh menyerupai wanita jahiliyyah daripada aspek bentuk pakaian, perhiasan dan gaya berpakaian. Wanita Muslimah mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri termasuklah cara berpakaian (Ahmad Fauzi 2016) yang didasarkan kepada fitrah kewanitaan dan penghayatan cara hidup Islam sepenuhnya (Nur Hafilah, Asmak & Nurul 2018), dan hal tersebut dikenali sebagai jati diri Muslimah (Safitri 2016).

Setiap wanita secara semulajadinya ingin sentiasa kelihatan cantik. Islam tidak pernah menentang keinginan semulajadi ini, tetapi Islam mengawal dan mengaturnya dengan baik agar maruah para wanita terpelihara dengan baik. Allah SWT berfirman;

Wahai anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. dan pakaian berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah daripada tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).

(Surah al-Araf: 26)

Dan hendaklah kamu tetap diam di rumahmu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang Jahiliyah pada zaman dahulu.

(Surah al-Ahzab:33)

dan janganlah mereka menampakkan perhiasan tubuh mereka, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya...

(Surah al-Nur:31)

Perkataan perhiasan dalam ayat di atas merujuk kepada pakaian yang baik, perhiasan dan segala sesuatu yang diguna oleh wanita untuk berhias sama ada di kepala, wajah atau pun bahagian anggota yang lain. Menurut al-Qaradhwai (2007), apa yang dimaksudkan perhiasan perempuan dalam ayat tersebut ialah apa sahaja yang dipakai sebagai hiasan dan untuk mencantikkan tubuh, sama ada berbentuk ciptaan asal seperti wajah, rambut, potongan tubuh ataupun buatan manusia seperti pakaian, perhiasan, alat solek dan sebagainya lagi. Dengan kata lain, perhiasan tersebut merujuk kepada perhiasan yang digunakan oleh wanita untuk berhias, selain dari asal penciptaannya (tubuhnya). Contohnya perhiasan telinga (anting-anting), perhiasan leher (kalung atau rantai leher), perhiasan dada (belahan dadanya) dan perhiasan kaki (betis dan gelang kaki) (Fatimah 2013).

Islam adalah agama yang mempunyai cara hidup yang amat lengkap dan pastinya sempurna dalam menyediakan panduan melengkapi setiap sudut kehidupan manusia termasuk juga cara berpakaian. Justeru, sudah tentu *standard* pakaian yang diletakkan ini tidak membebankan, bahkan amat bertepatan dengan fitrah, logik akal dan keupayaan manusia. Oleh itu, Islam tidak pernah menetapkan pakaian tertentu bagi para Muslimah, asalkan pakaian tersebut menutup aurat dan tidak menimbulkan sebarang fitnah, maka ia telah memadai. Antara hikmah disebalik tidak ada pakaian khusus yang ditetapkan buat Muslimah ialah kerana Islam meraikan fitrah wanita yang suka akan kecantikan dan perhiasan, maka mereka boleh menyalurkan idea kreatif dan inovasi mereka pada pakaian yang hendak dipakai, asalkan mematuhi panduan pakaian yang telah ditetapkan (Khairun Nisa 2017; Dasima Sidek et al. 2018). Walau bagaimanapun, Khairun Nisa (2017) juga menyatakan dalam keilmuan Islam, pakaian dan tatacara berpakaian yang mengikut lunas-lunas agama dinamakan hijab, dan Ahmad Fauzi (2016) menambah panggilan tersebut sebagai hijab syar'i. Malah, pada lazimnya ia dikenali juga sebagai jilbab (Safitri 2016). Bagi menjaga kemaslahatan seorang

wanita dan membangun kemuliaannya untuk kesejahteraan masyarakat, Islam menggariskan beberapa panduan yang perlu dipatuhi atas tujuan untuk memelihara darjat seorang wanita.

Panduan yang pertama ialah, pakaian yang dipakai oleh para Muslimah itu mestilah menutup aurat. Seorang Muslimah itu perlu menggunakan pakaian yang menutup auratnya apabila mereka melangkah keluar daripada rumah iaitu menutup seluruh tubuh badannya kecuali telapak tangan dan wajahnya (Al-Sabuni, 2007). Pakaian yang mendedahkan aurat mampu menarik perhatian para lelaki bukan mahram, mengundang pelbagai fitnah jika tidak menjaga kemuliaannya dan adakalanya boleh terjerumus kepada perkara maksiat. Ia tergambar dalam hadis Nabi SAW sebagaimana berikut;

Dalam riwayat Aisyah r.a, bahwasanya Asma binti Abu Bakar masuk menjumpai Rasulullah SAW dengan pakaian yang tipis, lantas Rasulullah SAW berpaling darinya dan berkata; sesungguhnya jika seorang wanita sudah mencapai usia haid (akil baligh) anggota badannya tidak boleh diperlihatkan kecuali ini dan ini, Baginda mengisyaratkan ke mukanya dan kedua-dua tapak tangannya.”

(Hadis riwayat Abu Daud, no.4104).

Panduan ini terangkum juga dalam pemakaian tudung yang mana para Muslimah perlu mematuhi syarat-syarat tertentu seperti ia mesti menutupi dada dan tidak memakainya dengan fesyen yang salah. Ia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nur (24:31) yang mafhumnya “dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.”

Panduan pakaian yang kedua buat setiap Muslimah ialah mereka perlu memakai pakaian yang tidak nipis atau berpakaian tebal dan longgar. Seorang Muslimah itu perlu memakai pakaian yang tidak ketat dan tidak nipis ketika keluar daripada rumahnya bagi mengelakkan mereka memaparkan bentuk tubuhnya dan warna kulitnya terhadap bukan mahramnya. Ia bertepatan dengan apa yang terkandung dalam hadis Nabi SAW iaitu;

“Ada dua golongan penghuni neraka yang belum aku lihat; pertama orang yang membawa cemeti bagaikan ekor lembu yang mereka gunakan untuk memukul orang lain dan yang kedua, para wanita yang berpakaian namun auratnya terlihat, yang memikat hati lelaki dan berjalan lenggang-lenggok, rambut mereka dibuat seperti punuk unta yang gila. Mereka tidak dapat masuk syurga dan tidak dapat mencium bau syurga, padahal bau syurga dapat tercium dari jarak yang sangat jauh.”

(Hadis riwayat Imam Muslim,no.3971).

Usamah bin Zaid pernah berkata: Rasulullah pernah memberiku baju Quthbiyah yang tebal, merupakan baju yang dihadiahkan oleh Dihyah al-Kalbi kepada beliau. Baju itu pun aku pakaikan pada isteriku. Nabi bertanya kepadaku: Mengapa kamu tidak mengenakan baju Quthbiyah? Aku menjawab: Aku pakaikan baju itu pada isteriku. Nabi lalu bersabda: “Perintahkan ia agar mengenakan baju dalam dibalik Quthbiyah itu kerana aku khawatir baju itu masih boleh menggambarkan bentuk tulangnya.

(Hadis riwayat Muslim, Ahmad dan Baihaqi)

Panduan ini bermakna bahawa pakaian yang mematuhi Syariat; fabriknya adalah tebal, tidak melekat pada badan, longgar dan menutup aurat dengan sempurna, malah ia sangat praktikal untuk digunakan sebagai pakaian harian. Di Malaysia, terdapat pakaian tradisi Melayu iaitu baju kebaya pendek atau labuh yang sememangnya dipakai ketat dipinggang, dan ini jelas tidak menepati syarak. Menurut al-Qaradhwai (2007), Islam mengharamkan pakaian sedemikian sehingga nampak bentuk badan terutama pada buah dada, pinggang dan sebagainya yang boleh menimbulkan fitnah.

Panduan pakaian yang seterusnya ialah pakaian dan perhiasan itu hendaklah tidak sampai menarik perhatian orang di sekeliling. Ia bermaksud bahawa seseorang Muslimah itu hendaklah tidak memakai pakaian yang mempunyai gambar-gambar yang pelik sehingga mengundang tarikan kepada mereka yang melihatnya, tidak memakai pakaian yang berwarna terang sehingga menarik perhatian orang lain kepadanya dan tidak memakai perhiasan yang keterlaluan sehingga memikat pandangan orang lain kepada dirinya (Rashidah et al. 2016). Sekiranya terdapat seorang Muslimah mengenakan pakaian yang menutupi seluruh tubuhnya dengan elok, sedangkan pakaianya mempunyai perhiasan yang berlebih-lebihan atau dia bersolek yang keterlaluan sehingga mampu menarik perhatian orang lain, maka pakaian tersebut tidak bererti lagi. Secara mudahnya, ia dapat dijelaskan bahawa setiap Muslimah itu seharusnya mengenakan pakaian yang hiasannya tidak ketara, hiasan aksesori pada badannya seperti gelang dan cincin yang minimum dan pilihan warna yang tidak terlalu menonjol apabila dipakai, malah nampak lebih sopan apabila dipandang oleh orang lain.

Panduan ketiga buat para Muslimah dalam hal ehwal pemakaian ialah mereka tidak seharusnya menggunakan wangi-wangian dengan kadar yang banyak. Pada zaman sekarang, wangi-wangian tersebut boleh dirujuk sebagai *perfume*, bedak, deodorant dan apa sahaja yang boleh memberi wangian yang baik dan kuat sehingga memukau sesiapa yang menghidunya (Rashidah et al., 2016).

Hal seperti ini telah ditetapkan dalam Islam sebagai perbuatan yang haram kerana ia boleh mengundang kearah penzinaan dan kerosakan (Afzalur Rahman, 1994; Siti Sarah & Mohd. Nawi, 2018). Ia seiring dengan hadis Nabi SAW iaitu;

“Apabila wanita memakai wangian kemudian lalu di hadapan suatu kaum supaya mereka dapat mencium harumnya, maka ia dianggap berzina.”

(Hadis riwayat Abu Daud, no. 4173).

Begitu juga dengan penggunaan ‘make-up’ yang tebal dan berwarna-warni pada wajah, seharusnya ia dielakkan kerana ia termasuk dalam perkara yang boleh menggoda lelaki.

Panduan pakaian yang seterusnya buat Muslimah ialah menggunakan pakaian yang tidak bertasyabbuh atau menyerupai pakaian lelaki sesuai dengan sifat dan fizikalnya yang mencerminkan kelembutan. Allah SWT milarang hambanya itu bertasyabbuh dalam berpakaian. Contohnya, terdapat segelintir Muslimah yang memakai pakaian seakan lelaki seperti berseluar pendek lelaki dan berseluar jeans lelaki. Panduan ini seiring dengan hadis Rasulullah melaknat mereka yang menyerupai pakaian wanita atau sebaliknya.

Dari Abu Hurairah berkata: “Rasulullah melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.”

(Hadis riwayat Abu Daud, no.4098)

Sebagaimana berbezanya fizikal lelaki dan perempuan, maka pakaian yang mereka gunakan juga sudah tentu berbeza. Ini disebabkan kerana tidak semua pakaian lelaki itu dapat menutup aurat perempuan dengan sempurna dan pada pakaian juga, ia menjadi alat pembeza yang jelas antara lelaki dan perempuan. Di samping itu, Islam juga telah menetapkan bahawa umat Islam tidak boleh bertasyabbuh kepada orang kafir dalam ibadah atau sebagainya. Ini bermaksud bahawa para Muslimah juga tidak dibenarkan menyerupai pakaian dan cara berpakaian sebagaimana wanita-wanita kafir demi membezakan antara mereka. Rasulullah bersabda: “Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia termasuk dalam kaum tersebut.” (Hadis riwayat Abu Daud, no. 4031). Contohnya pakaian berwarna kuning yang menyamai warna pakaian Sami Buddha dan salib yang dipakai oleh penganut agama Kristian.

Kemudian, panduan yang boleh dijadikan pedoman buat para Muslimah khususnya ialah

memelihara adab sebagai seorang wanita Islam terutamanya ketika berurusan dengan lelaki. Semasa berurusan, seseorang Muslimah perlu tidak menggunakan nada suara yang menggoda dan memberahikan, elakkan daripada melakukan gerakan yang manja dan seksi, malah berjalanlah dengan sopan dan tertib. Walaupun perbuatan tersebut tidak menampakkan hubungan dengan tabarruj secara langsung, tetapi pada hakikatnya, ia dikategorikan sebagai perbuatan yang mendedahkan aurat dan setiap perbuatan yang mendedahkan aurat adalah tabarruj (Al-Qardhawi 1995; Dasima Sidek et al. 2018).

Kesimpulannya, panduan berpakaian dan berpenampilan buat para Muslimah yang telah ditetapkan oleh Islam adalah untuk kebaikan dan kemaslahatan mereka bagi mengelakkan difitnah dan dikaitkan dengan sebarang unsur maksiat. Pakaian yang dipakai oleh Muslimah seharusnya tidak melebihi objektif perhiasan, tetapi lebih mengutamakan untuk menjaga aurat demi memenuhi objektif Syariat, yang mana ia sekaligus dapat mencapai standard pakaian takwa (Ahmad Fauzi 2016).

KESIMPULAN

Tuntutan berpakaian yang baik dalam Islam sebenarnya mempunyai hubungan yang erat dengan ibadat. Dalam Islam, pakaian mempunyai nilai pahala dan dosa. Sekiranya seseorang Muslimah itu mengenakan pakaian yang patuh Syariat dan memakainya kerana Allah, sudah tentu dia mendapat ganjaran pahala daripada Allah, dan begitulah sebaliknya. Di samping itu, Islam juga berpandangan bahawa memakai pakaian bukanlah semata-mata bertujuan untuk mengelakkan diri daripada kepanasan, kesejukan dan mempercantikkan diri, tetapi ia juga dilakukan sebagai salah satu bentuk rasa syukur kepada Allah atas pelbagai kurniaaNya.

Larangan Allah berkaitan tabarruj juga bertujuan untuk mengelakkan mereka daripada tergolong ke dalam wanita jahiliah sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran, dan sebagaimana yang disebutkan oleh para ulama sebagai sifat ‘wanita jahiliah moden’. Pada masa yang sama, kepentingan Islam melarang sedemikian juga adalah untuk mengangkat martabat mereka sebagai sebaik-baik perhiasan dan ciptaan Allah sepetimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Nasaie, Ibnu Majah, Ahmad dan Baihaqi yang bermaksud: “Dunia ini adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan adalah wanita

yang solehah”. Maka sebagai seorang Muslimah perlulah mematuhi aspek-aspek berpakaian dan berhias yang telah digariskan oleh syariat agar kehormatan diri sentiasa terpelihara.

PENGHARGAAN

Kami merakamkan setinggi penghargaan kepada PTS-2014-069 yang telah membiayai kajian ini.

RUJUKAN

- Abdullah bin Jarullah. 2005. *Hak dan Kewajipan Muslimah*. Jakarta: Pustaka Imam Syafei
- Abir Ayyub al-Hilwi. 2009. *The Beauty of Woman: Cantik Mata di Allah Anggun di Hadapan Manusia*. Jakarta: Duha Khazanah.
- Achyar Zein, Ardiansyah & Firmansyah. 2017. Konsep tabarruj dalam hadis: studi tentang kualitas dan pemahaman hadis mengenai adab berpakaian bagi wanita. *Journal of Hadith Studies* 1(2):60-74
- Ade Nur Istiani. 2015. Konstruksi makna hijab fashion bagi Moslem fashion blogger. *Jurnal Kajian Komunikasi* 3(1): 48-55
- Afzalur Rahman. 1994. *Ensiklopedia Sirah. Peranan Wanita Islam*. Jil.V. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fauzi. 2016. Pakaian wanita Muslimah dalam perspektif hukum Islam. *Jurnal Ekonomi Syariah* 1(1):41-58.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Nor Shahizan Ali. 2011. Media penyiaran: Implikasinya dalam pembentukan akhlak penuntut-penuntut Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Akademika* 81(3): 3-8.
- Ayunni Karim, Nor Naemah Abdul Rahim & Mohd. Anuar Ramli. 2018. Penglibatan wanita sebagai subjek pengiklanan menurut perspektif hukum Islam. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 5(2):1-15.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari al-Jufi. 2002. *Al-Jami' al-Sohih*. Beirut: Dar Tuq al-Najah.
- Dasima Sidek, Roslan Ab Rahman, Khiral Anuar Daud, Mohd. Borhanuddin Zakaria, Abdul Qahhar Ibrahim & Noorsafuan Che Noh. 2018. Kepentingan memberi salam dan etika berpakaian menurut Islam. *Jurnal Bitara* 1(3): 84-97.
- Fatimah Hj. Omar. 2013. *Tabarruj Penghalang Bau Syurga*. Selangor: Pustaka Ilmuan.
- Hasbi al-Sidqy. 1994. *Tafsir al-Nur*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*. Jil.9. Beirut: Dar Sadir.
- Khairun Nisa. 2017. Trend fashion hijab terhadap konsep diri Hijabers komunitas hijab Medan. *Jurnal Interaksi* 1(1): 105-117.

- Al-Maududi, Abu alA'la.1984. *Al-hijab dan Status Wanita Islam*. Bandung: Risalah.
- Muhammad Arif Yahya & Muhammad Haikal Mohd. Hedzir.2020. Pendekatan terhadap bukan Muslim dalam gerakan dakwah di Malaysia: perbincangan Hadith-hadith berkaitan. *Jurnal Akademika*. 90 (3): 163-171.
- Muhammad Abdul Aziz al-Musnid. 2000. *Indahnya Berhias*. Jakarta: Darul Haq.
- Muhammad Abdul Aziz Amru. 2009. *Pakaian dan Perhiasan dalam Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Ni'mat Sidqi. 1983. *Bersolek (tabarruj)*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Nurhafilah Musa, Asmak Husin & Nurul Akma Sheikh Muhd. Amin. 2018. Semakan dasar wanita Kelantan: penambahbaikan pelaksanaan ke arah mencapai matlamat pembangunan mapan. *Akademika* 88 (3): 137-150.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1995. *Fatwa Masa Kini*. Jil. 5&6. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2007. *Halal dan Haram dalam Islam*. Terj. Muammal Himidy. Surabaya: Bone Pustaka.
- Al-Qurtubi. t.th. *Tafsir al-Qurtubi*. Jil.12.t.tp.:t.pt.
- Rashidah Othman, Siti Norlina Muhammad, Farahwahida Mohd. Yusof & Muhammad Amin Wan Harun. 2016. Fesyen wanita menurut perspektif Islam dan kesannya terhadap kesejahteraan fizikal, spiritual. *Sains Humanika* 8 (3):65-71.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. 2007. *Tafsir Ayat Ahkam min al-Quran*. Jil.2. Qaherah: Dar al-Sabuni.
- Safitri Yulikhah. 2016. Jilbab antara kesalehan dan fenomena sosial. *Jurnal Ilmu Dakwah* 36(1): 96-117.
- Sayid Sabiq. 1993. *Fiqih Sunah*. Bandung: al-Ma'rif
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali. 2007. *Fathul Qadir*. Jakarta: Pustaka Azam.
- Siti Sarah Zainal Abidi & Mohd. Nawi Ismail. 2018. Busana Muslimah menurut perspektif al-Quran dan al-Hadith. *Jurnal Insaniah: Online Journal of Language, Communication and Humanities* 1(2): 60-71.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rasyid & Naimah Samat. 2019. Peranan dan pelaksanaan ICT dalam memperkasakan usahawan wanita luar bandar di Malaysia. *Akademika* 89(3): 75-88.
- Siti Marziah Zakaria, Nor Bayiah Ab. Kadir & Nasrudin Subhi. 2017. Selarikah makna kepuasan hidup daripada perspektif wanita pertengahan usia bekerja di Hulu Langat dengan perspektif Islam. *Akademika* 87 (2): 119-131.
- Syafiza Shafei & Fadhlhan Mohd. Othman. 2015. Garis Panduan bagi pendakwah wanita di televisyen dalam aspek penampilan berdasarkan al-Quran. *Islamiyat* 37 (1): 56-67.
- Uwaideh, Kamil Muhammad. 1996. *Al-Jami'fi fiqh al-Nisa'*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah.
- Yuszaidy Mohd. Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafia. 2015. Impak media baharu terhadap sistem nilai Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 3 (2): 33-46.
- Zulkifli Abd. Latiff & Fatin Nur Sofia Zainol Alam. 2013. The roles of media in influencing women wearing hijab: an analysis. *Journal of Image & Graphics* 1(1): 5-54.

Nozira binti Salleh (corresponding author)
 Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi
 Selangor
 Malaysia
 Email: aziera@ukm.edu.my

Received: 2 November 2020

Accepted: 22 February 2021